



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

05 February 2016

### PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

#### **SHELL REFINING COMPANY (FEDERATION OF MALAYA) BERHAD (“SHELL REFINING”)**

Lembaga Pengarah Shell Refining mengumumkan bahawa mereka menerima surat/salinan kenyataan akhbar daripada RHB Investment Bank Berhad pada 1 Februari 2016, yang bertindak sebagai penasihat utama untuk Malaysia Hengyuan International Limited (“Malaysia Hengyuan”) bertarikh 1 Februari 2016, di mana Shell Refining dimaklumkan bahawa MHIL telah menandatangani perjanjian jual beli bersyarat (“SPA”) dengan Shell Overseas Holdings Limited (“Shell Overseas”) pada 1 Februari 2016 untuk pengambilalihan oleh Malaysia Hengyuan sebanyak 153,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang oleh Shell Overseas di dalam Shell Refining (“Saham Yang Dijual”), mewakili 51% daripada jumlah modal saham terbitan dan berbayar Shell Refining dengan balasan tunai sebanyak USD66,300,000, yang mewakili harga tawaran sebanyak USD0.43 untuk setiap Saham Yang Dijual (bersamaan dengan RM274,979,250 atau RM1.80 setiap Saham Yang Dijual).

Lembaga Pengarah menyatakan bahawa mereka akan membuat pengumuman lanjut sekiranya diperlukan.

*[Sumber: Pengumuman Shell Refining di laman web Bursa Malaysia pada 2 Februari 2016]*

#### **KOMEN MSWG:**

Pemegang saham minoriti Shell Refining terkejut dengan urus niaga yang dicadangkan oleh pemegang saham majoriti mereka iaitu Shell Overseas, seperti yang diterangkan dalam surat aduan yang diterima oleh MSWG.

Urus niaga penjualan kepada Malaysia Hengyuan adalah pada kira-kira RM1.80 untuk setiap Saham Yang Dijual. Walaupun ia cuma pada diskaun sebanyak 7% kepada nilai aset bersih terkini pada September 2015 iaitu RM1.93 sesaham, ia merupakan diskaun yang besar sebanyak 63.6% berbanding harga pasaran sebanyak RM4.94 pada 29 Januari 2016, sebelum pengumuman dibuat.

Untuk makluman, pemegang saham utama lain ialah KWSP (15.71%), Amanah Saham Malaysia (11.09%) dan pemegang saham minoriti lain ialah KWAP (2.38%), PNB (1.12%), Khazanah Nasional (1.12%) dan Lain-lain (17.58%) menurut senarai pemegang saham pada 30 April 2015.

Impak negatif daripada urus niaga ini sudah pun menunjukkan kesan ke atas pemegang saham minoriti. Harga saham Shell Refining telah menjunam daripada RM4.98 kepada RM3.68 pada 29 Januari 2016 dan mungkin akan jatuh lagi kepada harga SPA iaitu kira-kira RM1.80 sesaham.

Kami menggesa Ahli Lembaga Shell Refining untuk melihat kepada kepentingan para pemegang saham minoriti berkaitan dengan pembelian ini serta Tawaran Am Mandatori yang dijangka akan dicetuskan oleh pemegang saham utama yang baru.

Bagi pemegang saham utama, tidak dinafikan urus niaga itu merupakan urus niaga persendirian, namun kita menjangkakan keperihatinan dan obligasi tertentu kepada pemegang saham minoriti sedia ada oleh pemegang saham majoriti memandangkan mereka telah bersama syarikat untuk tempoh masa yang panjang. Oleh itu, masa yang lebih lama diperlukan untuk menerima lebih banyak tawaran supaya transaksi itu boleh dilakukan pada peringkat yang lebih saksama kepada pemegang saham minoriti.

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswq.ceo@mswq.org.my](mailto:mswq.ceo@mswq.org.my).

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*